

Dalam jamuan makan Persekutuan Pemuda Islam  
 merayakan Syeikh Said Ramadhan. Sa'dun bin Haji Zubair  
 di antara lain-lain ada berkata bahawa ia telah mengusahakan  
 langkah ekonomi ke kampung-kampung dengan mengharap supaya  
 orang-orang di kampung tidak hanya mengerjakan sembahyang sahaja  
 tetapi menggalakkan supaya mereka sebenar-benarnya bekerja menjadi  
 seorang Islam yang tulen-syabas. Indah khabar dari  
 rupa. Apa sebab-kita semua tahu bahawa pemuda UMNO  
 yang Sa'dun menjadi ketuanya selalu mengadakan sandiwara.  
 Mengadakan perayaan-perayaan dengan sifat judi dan sebagainya –  
 Inilah yang menjadikan Islam tulen ?!

-----\*-----\*-----

Sifat aku telah buat, aku telah bikin dan aku telah  
 buat kerja kerana Islam selalu sahaja gembar-gembur  
 diagung-agungkan apabila ada ketua-ketua Islam sampi ke mari.  
 Demikian juga aku telah  
 buat, itu apabila ketua-ketua  
 kebangsaan datang ke mari.  
 Jadi aku dan aku akhirnya  
 sama seperti kata Syeikh Ramadhan,  
 orang yang pertama membilangkan aku ialah syaitan telah membilang  
 aku lebih mulia daripada Adam- aku telah dijadikan dari  
 api sedang Adam dijadikan daripada tanah- inilah akuan  
 permulaan ialah akuan syaitan!



# KOPI PAHIT

-----\*-----\*-----

Menurut akhbar Melayu Raya UMNO seluruh Perak telah  
 menetapkan untuk mengadakan loteri. Apabila kita cuba  
 menanya kepada ibu pejabat UMNO sudah tentu jawabnya itu  
 perkara daerah, ibu pejabat tak boleh campur. Apabila  
 ditarik perhatian bahawa salah satu daripada tujuan UMNO  
 meninggalkan kemuliaan agama Islam mereka akui tetapi  
 apa hal loteri dan sandiwara serta judi-  
 tidakkah ditegah oleh agama Islam dengan terang-terang? Walhal  
 yang lebih baik begini sahaja UMNO parti kebangsaan.

kebangsaan haram dalam Islam. Buang sahaja undang-undang  
 meninggikan agama itu daripada undang-undang UMNO supaya jangan  
 mempermainkan Islam dan supaya senang mengadakan loteri  
 ataupun mengadakan *dancing* untuk cari penat dan lain-lain  
 lagi dan orang agama tentu tak boleh bercakap kerana  
 UMNO sudah tidak berasas agama; dan orang Islam sudah  
 senang tidak payah ditipu lagi dengan seruan-seruan untuk  
 membela agama.

-----\*-----\*-----

Menurut akhbar Straits Times dua orang cina  
 tuntutan Onn keluar dari I.M.P dan letakkan jawatan  
 sebagai Menteri Dalam. Sebabnya Onn mempersetujui undang-undang  
 yang ketat anak-anak dagang masuk ke Malaya ia meninggalkan  
 UMNO dengan harapan dapat sokong dari anak-anak dagang tetapi  
 nampaknya sekarang anak dagang suruh ia pergi. Sekarang  
 anak dagang “tuntut talak” sama Onn dan jika jadi

talak, yang tinggal pada Onn  
 hanya jawatannya sahaja. Kalau  
 jawatan kasi talak mana  
 dia mahu pergi. Sama bangsa  
 telah talak tiga, isteri

muda tuntutan khuluk semuanya tak boleh rujuk lagi.

-----\*-----\*-----

Syeikh Said Ramadhan bilang Quran diturunkan bagi  
 orang yang hidup – bukan untuk orang yang telah mati  
 dibacakan di atas kubur. Seratus peratus kita  
 bersetuju. Orang sudah mati jangan ambil peduli  
 -yang hidap mesti difikirkan iaitu adakah ia akan  
 tetap beragama atau tidak. Kalau orang kita cakap  
 semacam itu sudah tetap orang tua-tua bilang kaum muda  
 tetapi orang-orang yang berserban yang hadir dalam majlis itu  
 yang kerap kali mengatakan akan orang kaum muda senyap. Mengapa?

T. S. T

- Cemeti al-Farouk.